
**DASAR UTAMA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**

BAHAGIAN A:-

MAKLUMAT ORGANISASI

1. NAMA ORGANISASI

Kementerian Pembangunan Perindustrian

2. WAWASAN

Mewujudkan sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2015.

3. OBJEKTIF

- i. Mempercepatkan pertumbuhan sektor pembuatan Negeri Sabah.
- ii. Meningkatkan pelaburan secara mapan.
- iii. Membangunkan keusahawanan serta pengwujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

4. FUNGSI UTAMA

- i. Menggubal dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan perindustrian Negeri Sabah;
- ii. Merancang, merekabentuk serta menyelaras pelaksanaan program pembangunan perindustrian
- iii. Meningkatkan pembangunan keusahawanan termasuklah penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi dan sekaligus memastikan pengwujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) Negeri Sabah;
- iv. Menyelaras kegiatan-kegiatan berkaitan kerjasama dua hala dan pelbagai hala termasuklah BIMP - EAGA sejauhmana yang melibatkan industri dan perdagangan;
- v. Mempercepatkan pembangunan industri di kawasan luar bandar untuk keseimbangan ekonomi.
- vi. Menjalankan kajian serta penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan perindustrian.
- vii. Menggalakkan pelaburan dalam sektor perindustrian.
- viii. Menyelaras, melaksana dan memantau semua aktiviti yang berkaitan dengan kepentingan negeri dalam perdagangan dan industri.
- ix. Merancang dan menyelaraskan program-program bagi peningkatan infrastruktur perindustrian.
- x. Melaksanakan program dan projek Koridor Pembangunan Sabah.

5. AGENSI-AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN

- i. Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR)
- ii. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDDCO)
- iii. Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd. (K.K.I.P Sdn. Bhd.)
- iv. POIC (S) Sabah Sdn. Bhd.

BAHAGIAN B:-

MAKLUMAT DASAR

6. DASAR UTAMA

6.1 Dasar Perindustrian Sabah

Mempercepatkan proses industrialisasi sektor pembuatan agar menjadi modal utama pertumbuhan ekonomi negeri melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang dipelbagaikan dan bernilai tambah tinggi.

Matlamat:-

- i. Menjadikan sektor pembuatan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi Sabah agar terus berkembang pesat.
- ii. Menggalakkan aktiviti pemrosesan hiliran serta kegiatan perkilangan nilai ditambah.
- iii. Menggalakkan perwujudan sektor pembuatan yang berdasarkan sumber asli secara terancang dan berkekalan.
- iv. Menggalak dan mempertingkatkan 30% penglibatan kaum bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian.
- v. Menggalakkan industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai industri sokongan dan pemangkin utama kepada sektor pembuatan di Sabah.

7. STRATEGI

7.1 Industri Pembuatan Berasaskan Sumber

Untuk memaksimumkan penggunaan sumber asli dalam bidang pembuatan di Sabah dan mempertingkatkan nilai ditambah.

7.2 Industri Bukan Berasaskan Sumber

Untuk menggalakkan industri pembuatan bukan berdasarkan sumber dan kepelbagaian aktiviti.

7.3 Industri Kecil Dan Sederhana

Sebagai industri sokongan utama dan pemangkin kepada pembangunan industri pembuatan.

7.4 Industri Berorientasikan Eksport

Menggalakkan industri-industri pembuatan yang mengeluarkan barang ekspor.

7.5 Industri Pengantian Import

Menggalakkan pertumbuhan industri pembuatan bagi menggantikan atau mengurangkan penggunaan barang import.

7.6 Industri Untuk Kawasan Luar Bandar

Menggalakkan pengagihan pertumbuhan industri ke luar bandar bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat.

7.7 Pembangunan Dan Penyertaan Bumiputera

Mempercepatkan pewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di Sabah.

8. PROGRAM

8.1 Perancangan Perindustrian Dan Penyelidikan

Menjalankan kajian-kajian untuk mempercepatkan proses industrialisasi di Sabah serta melaksanakan program-program penyelidikan bagi mengenalpasti sektor-sektor yang berpotensi untuk dimajukan.

8.2 Misi Perdagangan Dan Promosi Pelaburan

Mengadakan misi perdagangan dan promosi peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Sabah bagi menarik pelaburan asing dan tempatan serta memperluaskan jaringan pasaran bagi barang keluaran tempatan.

8.3 Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana

Membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ke arah mewujudkan industri sokongan dan asas perindustrian yang kukuh serta pemangkin utama kepada sektor perindustrian di Sabah.

8.4 Pembangunan Estet Dan Taman Perindustrian

Sebagai galakan dan kemudahan kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri untuk mendirikan kilang-kilang pembuatan, menjalankan aktiviti perdagangan dan sebagainya. Kerajaan juga menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam pembangunan estet dan taman perindustrian.

8.5 Kompleks Pemprosesan Kayu Bersepadu (Intergrated Timber Complex (ITC))

Menyediakan kemudahan infrastruktur bagi membangunkan industri hiliran berasaskan kayu-kayan secara berkelompok.

8.6 Industri Berkelompok Berasaskan Kelapa Sawit (Palm Oil Industrial Cluster (POIC))

Menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pembangunan industri berasaskan kelapa sawit yang dilaksanakan secara berkelompok.

8.7 Pembangunan Usahawan Bumiputera

Meningkatkan pembangunan guna tenaga dan usahawan bumiputera melalui skim latihan dan pembangunan usahawan serta penyediaan kemudahan perniagaan kepada golongan bumiputera.

8.8 Ekspo Dan Seminar Perindustrian

Untuk mempromosikan pelaburan dan pemasaran demi menggalakkan pengeluaran barang pembuatan di Sabah.

8.9 Taman Industri Perabot

Menyediakan tapak, latihan, pasaran dan kemudahan infrastruktur kepada usahawan bumiputera melibatkan diri dalam industri pembuatan perabot untuk pasaran tempatan dan luar negeri melalui konsep payung dan vendor.

8.10 Majlis Perindustrian Sabah (Sabah Industrial Council)

Menjadi medan forum bagi wakil-wakil sektor awam dan swasta untuk bercambah fikiran dan pendapat bagi mempercepatkan pembangunan perindustrian di Sabah.

8.11 Penerbitan Risalah Dan Maklumat

Wadah penyebaran maklumat berkaitan dengan kegiatan Kementerian dan semua aspek berkaitan dengan sektor pembuatan di Sabah melalui media cetak dan elektronik.

8.12 Dialog Perdagangan Dan Perindustrian

Sebagai forum perbincangan dua hala di antara Kerajaan dan pekilang-pekilang berhubung dengan permasalahan dan keperluan-keperluan semasa dalam sektor pembuatan.

8.13 Pembangunan Sumber Manusia

Mengenalpasti, melatih dan menyalurkan sumber manusia ke sektor yang produktif.

8.14 BIMP-EAGA

Menggalak dan mempertingkatkan perdagangan, pemasaran dan pelaburan dalam regim BIMP-EAGA.

8.15 Pembangunan Vendor

Membantu membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai pengilang dan pembekal komponen-komponen yang kompetitif kepada syarikat-syarikat Multinasional (MNC) dan industri berat bagi pasaran tempatan dan luar negeri melalui rantaian industri.

8.16 Lawatan Dan Pemeriksaan Kilang

Mengadakan lawatan sambil belajar ke kilang-kilang dan mengadakan pemeriksaan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pekilang-pekilang secara dekat.

8.17 Pengezonan Tanah-Tanah Perindustrian

Mengenalpasti dan membantu dalam pengezonan tanah-tanah perindustrian.

8.18 Jawatankuasa Penyelarasian Perindustrian

Sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Pelaburan Negeri.

8.19 Jawatankuasa Penyelarasian Perindustrian

Untuk memudahkan proses pemberian kelulusan bagi mendirikan kilang-kilang pembuatan di Sabah.

8.20 Forest Management Unit (FMU)

Memastikan bekalan sumber bahan mentah berkekalan dengan menggalakkan perhutanan semula.

8.21 Kerjasama Dengan Institusi-Institusi Dan Agensi-Agenzi Kerajaan Dan Persekutuan

Menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang terutamanya dalam sektor pembuatan meliputi aspek penyediaan maklumat, menjalankan kajian-kajian, pembangunan sumber manusia, kewangan, perlesenan, teknologi dan sebagainya untuk kepentingan bersama.

